

Berita Harian Mac 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Selasa 5 Mac 2019	Dakwaan salah guna kuasa JPN Perak, NGO lapor SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	Rabu 6 Mac 2019	Eksklusif: RM7 bilion pulihkan FELDA	Bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Yusof Noor	5
3.	Jumaat 8 Mac 2019	Petronas bayar dividen khas RM30 bilion kepada kerajaan	Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Wan Zulkifle Wan Ariffin	6
4.	Jumaat 8 Mac 2019	Nik Azman dilantik Ketua Audit Negara baharu	DATUK Nik Azman Nik Abdul Majid	8
5.	Selasa 12 Mac 2019	Kecurangan serius kewangan FELDA didedahkan	Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali	10
6.	Khamis 14 Mac 2019	PAC cadang kerajaan sedia SOP selenggara aset KSNBJ	PENGERUSI Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Ronald Kiandee	12
7.	Ahad 17 Mac 2019	RM2 juta laksana projek 'kecemasan' di Terengganu	Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT, Zuraida Kamaruddin,	14
8.	Isnin 18 Mac 2019	Siasat projek marina Pulau Mentagor - PAC	PENGERUSI Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Ronald Kiandee	16
9.	Isnin 18 Mac 2019	Ketua penolong pengarah, tiga kontraktor direman empat hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
10.	Rabu 20 Mac 2019	Anak syarikat Sunway Construction dapat projek RM86.43 juta	Anak syarikat Sunway Construction	20
11.	Selasa 26 Mac 2019	Semakan model projek Pan Borneo tidak babit pembatalan	Menteri Kerja Raya, Baru Bian.	21

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
12.	Selasa 26 Mac 2019	Kerajaan terpaksa selamatkan projek TRX dan Bandar Malaysia	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	23
13.	Rabu 27 Mac 2019	Kos projek MRT2, LRT3 hanya RM23.84 bilion	Menteri Kewangan, Lim Guan Eng	25
14.	Khamis 28 Mac 2019	Kerajaan belanja RM14.22 juta selenggara Equanimity	Menteri Kewangan, Lim Guan Eng	27
15.	Khamis 28 Mac 2019	RM4 bilion nilai kontrak, MoU ditandatangani	Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu	29
16.	Jumaat 29 Mac 2019	KPKT kesan penipuan ke atas kontraktor rumah mampu milik	KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	31
17.	Ahad 31 Mac 2019	Dana bantu usahawan wanita desa dilancar	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun	33



1. Dakwaan salah guna kuasa JPN Perak, NGO lapor SPRM

IPOH: Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Perak meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat salah guna kuasa dilakukan pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak berikutan isu penempatan tiga guru besar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Kinta Utara.

Pengerusi jawatankuasa berkenaan, Omar Bakar, berkata pihaknya menerima maklumat salah guna kuasa pegawai di Unit Sekolah Rendah Sektor Pengurusan Sekolah JPN itu yang dipercayai disogok bagi menentukan pertukaran dan penempatan guru besar berkenaan di SJKC berstatus tinggi.

Katanya, pegawai berkenaan disyaki menerima bayaran dalam jumlah tertentu untuk penempatan semula guru besar di sekolah berkenaan.

"Kami difahamkan, selepas persaraan guru besar di sekolah berstatus gred A itu, jawatan diisi guru besar dari daerah Batang Padang dan Hilir Perak, sedangkan lebih ramai guru di daerah Kinta Utara yang lebih kanan serta lebih berkelayakan.

"Kami juga sudah menghubungi Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Kinta Utara dan beliau mengatakan tidak mempunyai kuasa menentukan penempatan itu, sebaliknya menyenaraikan guru berkelayakan dan keputusan terletak kepada panel," katanya di depan pejabat SPRM di Meru Raya, di sini, hari ini.

Setiausaha jawatankuasa berkenaan, Ibrahim Al-Malbar berkata, pihaknya turut mengesyaki pertukaran berkenaan dibuat membabitkan syarikat pembekal alat tulis yang mahu mengaut keuntungan tinggi jika mereka dapat membekalkan peralatan alat tulis di sekolah itu.

"Sekolah besar ini memerlukan peralatan sekolah yang banyak dan kita percaya jika syarikat terbabit mahu mendapatkan tender pembekalan itu, mereka akan mengatur pergerakan di sebalik penempatan guru besar sekolah terbabit," katanya.

Sementara itu, Omar meminta pihak berkuasa terutama SPRM menyiasat perkara itu bagi mengelak lebih banyak sekolah terbabit dalam penempatan guru besar di sekolah tanpa mengikut saluran betul.



2. Eksklusif: RM7 bilion pulihkan FELDA

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu menyuntik RM7 bilion untuk memulihkan FELDA yang kini menghadapi masalah aliran tunai dan beban hutang yang tinggi.

Bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Yusof Noor, berkata modal sebanyak itu akan dapat memulihkan FELDA agar kembali kukuh seperti zaman kegemilangannya yang mempunyai aliran tunai antara RM2.5 bilion hingga RM5 bilion setahun.

Beliau yang menerajui FELDA dari 2001 hingga 2010, berkata kerajaan perlu menyuntik modal itu jika mahu menyelamatkan FELDA, seterusnya membela nasib peneroka yang kini tertekan dengan masalah dihadapi agensi berkenaan.

Katanya, dengan suntikan modal RM7 bilion, FELDA boleh bertahan untuk tempoh lima hingga enam tahun lagi sebelum kembali mencipta kejayaan yang pernah dikecapi sepanjang 50 tahun penubuhannya....



Wan Zulkiflee pada sesi taklimat mengumumkan prestasi kewangan dan suku keempat 2018 Petronas

3. Petronas bayar dividen khas RM30 bilion kepada kerajaan

KUALA LUMPUR: Petroliam Nasional Bhd (Petronas) akan membayar dividen RM54 bilion kepada kerajaan termasuk dividen khas RM30 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, kata Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin hari ini.

Bercakap kepada pemberita pada sesi taklimat mengumumkan prestasi kewangan dan suku keempat 2018 syarikat itu di sini, beliau berkata, dividen khas itu akan dibayar secara berperingkat sepanjang tempoh 2019, bermula Januari.

Dalam pembentangan Belanjawan 2019, kerajaan menjangkakan menerima dividen khas sebanyak RM30 bilion daripada Petronas dan menjadikan hasil Kerajaan Persekutuan berjumlah RM261.8 bilion atau 17.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2019.

Bayaran dividen khas daripada keuntungan Petronas itu akan digunakan sepenuhnya bagi menyelesaikan tunggakan bayaran balik cukai yang dianggarkan RM37 bilion, merangkumi cukai pendapatan sebanyak RM18 bilion dan Cukai Barang dan Perkhidmatan berjumlah RM19 bilion.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 (FY18), keuntungan bersih Petronas meningkat sebanyak 22 peratus kepada RM55.3 bilion daripada RM45.5 bilion pada 2017, didorong oleh peningkatan hasil serta kiraan semula susut nilai aset bersih.

Sebahagian daripada peningkatan itu diimbangi oleh kos produk serta pengeluaran bersih lebih tinggi, susut nilai dan pelunasan dan perbelanjaan cukai.

Hasil bagi 2018 meningkat sebanyak 12 peratus kepada RM251 bilion daripada RM223.6 bilion pada tahun kewangan 2017, disebabkan terutamanya purata harga direalisasi lebih tinggi bagi semua produk utama namun sebahagianya diimbangi kesan pengukuhan ringgit berbanding dolar AS serta jumlah jualan lebih rendah terutama bagi gas asli cecair (LNG).

Aliran tunai daripada kegiatan operasi pula meningkat sebanyak 14 peratus kepada RM86.3 bilion daripada RM75.7 bilion pada 2017.

**DATUK Nik Azman Nik Abdul Majid****4. Nik Azman dilantik Ketua Audit Negara baharu**

PUTRAJAYA: Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid dilantik sebagai Ketua Audit Negara untuk tempoh dua tahun bermula 23 Februari 2019 hingga 22 Februari 2021.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Ismail Bakar dalam kenyataan hari ini, berkata Nik Azman menggantikan Tan Sri Madinah Mohamad yang menamatkan tempoh perkhidmatan pada 22 Februari lalu.

"Berdasarkan Fasal (1) Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja memperkenankan pelantikan Nik Azman sebagai Ketua Audit Negara.

"Nik Azman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya dan Sarjana Ekonomi dari University of Nebraska, Amerika Syarikat mempunyai pengalaman luas dalam bidang ekonomi dan kewangan," katanya.

Tambah Ismail, Nik Azman sebelum ini pernah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebagai Ketua Setiausaha dari September 2018 hingga Oktober 2018 sebelum bersara.

Selain itu, beliau juga pernah menjadi Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, selain berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri.

"Kerajaan juga merakamkan setinggi perhargaan dan terima kasih kepada Madinah atas segala khidmat bakti beliau sepanjang tempoh memegang jawatan Ketua Audit Negara, khususnya dalam

usaha mentransformasi dan menstruktur sistem pengauditan serta mengukuhkan sistem pengurusan kewangan kerajaan," katanya.

5. Kecurangan serius kewangan FELDA didedahkan



MENTERI Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat akan dimaklum mengenai kecurangan serius kewangan FELDA menerusi pembentangan Kertas Putih FELDA yang dijadual dibuat pada mesyuarat pertama sidang Dewan Rakyat kali ini.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perbincangan sudah dilakukan dengan Parlimen bagi mendapatkan tarikh sesuai untuk pembentangan itu.

Beliau berharap tarikh berkenaan peroleh sebaik saja selesai sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja yang akan berlangsung selama dua minggu ini.

"Kami sedang berbincang dengan Parlimen. Harap dapat diketahui segera selepas selesai Perbahasan Titah Diraja.

"Kemudian mereka akan dapatkan masa yang sesuai untuk bentangkan kertas putih berkenaan," katanya ketika ditemui media di lobi Parlimen, hari ini.

Sebelum ini, pembentangan Kertas Putih FELDA yang sepatut dibentang Disember lalu ditangguhkan ke tahun ini.

Mohamed Azmin dipetik sebagai berkata keputusan menangguhkan pembentangan itu dibuat selepas mendapat nasihat daripada Jabatan Peguam Negara.

BH dalam laporan bersirinya berkenaan FELDA akhir tahun lalu mendedahkan kegagalan tadbir urus serius membabitkan pengurusan FELDA terdahulu, kemerosotan kedudukan tunai secara mendadak

serta isu membelenggu peneroka menyebabkan FELDA dibelenggu kerugian dan terpaksa menanggung beban hutang tinggi.

Sumber agensi itu sebelum ini mendedahkan, tiga perkara itu antara yang akan dirangkumkan dalam laporan Kertas Putih.

Selain itu, sumber sebelum ini juga mendedahkan, wujudnya campur tangan dan kecenderungan politik ke atas penggunaan tunai FELDA khususnya untuk perbelanjaan kepada peneroka, juga punca agensi itu dibelenggu masalah kewangan.

Campur tangan itu antara lain membabitkan pemberian insentif termasuk durian runtuh kepada peneroka dengan jumlah perbelanjaan dikeluarkan menunjukkan peningkatan bagi tahun tertentu terutama yang hampir dengan Pilihan Raya Umum (PRU).



PENGERUSI Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Ronald Kiandee

6. PAC cadang kerajaan sedia SOP selenggara aset KSNBJ

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengesyorkan kerajaan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) penyelenggaraan secara menyeluruh bagi memastikan aset Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ) dapat digunakan dengan baik dalam jangka masa panjang.

Pengerusinya, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) sewajarnya menyediakan anggaran keperluan bagi membiayai kos penyelenggaraan yang mencukupi untuk KSNBJ.

Katanya, PSM juga perlu menyediakan ramalan pendapatan dan perbelanjaan bagi memastikan dana secukupnya untuk membiayai penyelenggaraan semua stadium di bawah seliaan PSM.

"Kita turut cadangkan supaya PSM bekerjasama dengan Rukun Juang Sdn Bhd (RJSB) untuk menyediakan SOP dan latihan bagi kakitangan PSM serta membangunkan dokumen tender bagi kontrak penyelenggaraan stadium dalam Tempoh Liabiliti Cacat (DLP) yang akan berakhir pada 21 Julai depan.

"Kementerian Belia dan Sukan (KBS) diminta untuk menyediakan bajet serta anggaran peruntukan tambahan sekiranya PSM tidak dapat menjana dana secukupnya.

"KBS dan PSM juga wajar mendapatkan dan menyimpan dokumen penting berkaitan projek seperti lukisan gambaran akhir serta rekod penyelenggaraan dalam format digital," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

RJSB, iaitu anak syarikat kepada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) pada 2015 dilantik untuk membangunkan semula Kompleks Sukan Bukit Jalil menjadi kawasan ikonik dikenali Kuala Lumpur Sports City (KL Sports City) bernilai RM1.6 bilion.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Parlimen Beluran, berkata isu berkenaan adalah hasil penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018.

Katanya, prosiding berhubung isu berkenaan bermula pada 9 Januari lalu dan Ketua Setiausaha KBS, Datuk Lokman Hakim Ali serta Ketua Pegawai Eksekutif PSM, Azman Fahmi Osman, dipanggil untuk memberikan laporan.

"Jawatankuasa merumuskan bahawa KBS sudah berjaya menyelaras pelaksanaan projek dalam tempoh yang masa yang singkat iaitu 17 bulan menjelang Temasya Sukan Kuala Lumpur 2017.

"Pengeluaran Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) kepada RJSB adalah selepas mendapat pengesahan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) serta agensi berkuasa tempatan lain yang mengesahkan KSNBJ dalam keadaan yang baik dan berfungsi seperti yang dikehendaki kerajaan.

"Pelaksanaan projek oleh RJSB juga adalah berkualiti tinggi kerana berjaya mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa selepas menjalani proses pembangunan semula," katanya.

Beliau berkata, masalah kekurangan dana, perancangan tidak tersusun, rekod aset dan penyelenggaraan yang tidak teratur menyebabkan PSM tidak dapat dalam memainkan peranannya dengan berkesan.

"PSM juga tidak memainkan peranan dalam menghasilkan model perniagaan yang mampan dengan memanfaatkan potensi di setiap fasiliti yang dalam KSNBJ.

"Justeru, kita cadangkan supaya audit susulan terhadap PSM dilakukan oleh Ketua Audit Negara selepas dua tahun daripada tarikh laporan PAC dibentangkan, sebelum dikemukakan semula kepada pihak jawatankuasa," katanya.

Sementara itu, MRCB menerusi satu kenyataan media memaklumkan pihaknya meneliti pandangan dikemukakan PAC berhubung pembangunan semula KSNBJ.

"MRCB mengambil maklum pandangan berkenaan dan mengucapkan terima kasih atas pengiktirafan PAC dan kerajaan terhadap pencapaian kami berkaitan projek ini," katanya.

7. RM2 juta laksana projek 'kecemasan' di Terengganu

KUALA TERENGGANU: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi melaksanakan tiga projek 'kecemasan' di negeri ini dalam tempoh terdekat.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata daripada jumlah keseluruhan peruntukan itu, sebanyak RM500,000 diagihkan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) untuk memasang pagar, membina tandas dan surau di Pulau Warisan yang menjadi tumpuan orang ramai untuk beriadah.

Beliau berkata, sebanyak RM500,000 lagi diperuntukkan untuk membina 212 lot tambahan di penempatan sementara peniaga Pasar Payang yang dijangka dipindahkan bagi proses menaik taraf premis berkenaan.

"Selain itu, kita juga meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk pembinaan Terminal Bas di Bandar Jertih, Besut bagi menggalakkan sektor pelancongan di negeri ini.

"Umumnya mengetahui Bandar Jertih adalah pintu masuk pelancong untuk ke destinasi Pulau Redang dan Pulau Perhentian justeru pembinaan terminal bas itu nanti dapat menampung bas dan teksi ke sana kelak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Keselamatan Kebakaran bersama Sedia Urus Suri Rumah (SURI) di ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah Operasi JBPM, Datuk Amer Yusof dan Pengarah JBPM Terengganu, Azlimin Mat Noor.

Zuraida berkata, Terengganu juga dijangka memperoleh dua projek Rumah Mampu Milik Harapan selepas kerajaan negeri mencadangkan dua tapak baharu miliknya di daerah Marang dan Besut.

"Sebelum ini projek ini akan dilaksanakan di tanah persendirian, namun kita mengutamakan tanah kerajaan bagi mengurangkan kos pembinaan supaya harga rumah juga lebih murah.

"Apabila kerajaan negeri mencadangkan dua tapak baharu iaitu di Besut dan Marang yang tanahnya milik kerajaan negeri, kita bersetuju alihkan projek itu ke tapak berkenaan," katanya.



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin bergambar bersama orang ramai pada majlis perasmian Kempen Keselamatan Kebakaran bersama Sedia Urus Suri Rumah (SURI) di ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu, Kuala Terengganu, hari ini



PENGERUSI PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

8. Siasat projek marina Pulau Mentagor - PAC

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) meminta Kementerian Pengangkutan menyiasat syarikat YTL Corporation Bhd (YTL) yang terbabit dalam projek pembinaan marina awam di Pulau Mentagor, Perak.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata marina awam yang dibina di pulau tidak berpenghuni itu dipercayai tidak pernah beroperasi atau digunakan selepas dibangunkan.

"PAC memandang berat kes marina awam Pulau Mentagor.

"Projek ini sepatutnya dibina di Lumut, Perak namun selepas cadangan syarikat YTL, ia dipindahkan ke Pulau Mentagor.

"Projek ini diberi kepada YTL secara rundingan terus bernilai RM24.27 juta tetapi marina awam ini tidak pernah beroperasi dan tidak pernah digunakan langsung kerana YTL tidak berminat lagi membangunkan pulau tidak berpenghuni ini.

"PAC turut mengesyorkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) mempercepatkan proses pelawaan memberi cadangan (RFP) membabitkan kajian kemungkinan terhadap projek berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Keputusan itu dibuat susulan hasil penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Ogos 2018 dalam aspek Pengurusan Marina Awam oleh Jabatan Laut Malaysia dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) di bawah Kementerian Pengangkutan.

PAC memulakan prosiding isu terbabit pada 13 November 2018 dengan memanggil Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Saripudin Kassim, bagi menjelaskan beberapa isu berbangkit dalam laporan audit berkenaan.

Bagaimanapun, jawatankuasa tidak mendapat penjelasan sepenuhnya daripada Saripudin berhubung isu kajian kemungkinan projek marina awam, terutama ketika ia belum dimulakan berikutan di luar bidang serta tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Berikutan itu, PAC memutuskan untuk memanggil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam prosiding pada 27 November 2018.

Dalam kedua-dua prosiding itu, isu yang dibangkitkan adalah mengenai Marina Awam Muar, Johor; Marina Awam Pulau Mentagor, Perak; Marina Awam Tanjung City Marina, Pulau Pinang dan Marina Awam Melaka.

Ia termasuk aspek kajian kemungkinan, kerjasama antara agensi dan hala tuju pengurusan marina awam.

Kandee berkata, PAC merumuskan kelemahan dalam pembangunan dan pengurusan marina awam berpunca daripada ketiadaan kajian kemungkinan terperinci sebelum projek dilaksanakan.

Katanya, objektif pembangunan marina awam ialah menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pendaratan kapal rekreasi di seluruh negara bagi menggalakkan aktiviti pelayaran dan pelancongan marin.

"Bagaimanapun, ia gagal mencapai objektif. Daripada 11 marina awam yang dibina, hanya lima masih beroperasi tetapi gagal menggalakkan industri kapal layar dan pelancongan marin," katanya.

Beliau berkata, PAC turut menggesa kerajaan memantapkan kawalan keselamatan di marina awam membabitkan kes kemasukan warga asing.

Katanya, Jabatan Laut Malaysia perlu memastikan wujud kawalan dan pengurusan kewangan serta pungutan hasil lebih berkesan di marina awam.

"PAC mahu kementerian dan agensi mengambil kira kos penyelenggaraan dan sumber manusia sebelum memohon peruntukan pembangunan.

"Kerajaan juga perlu lebih prihatin dalam merancang aktiviti pembangunan dengan mengambil kira aspek holistik," katanya.



SEORANG ketua penolong pengarah sebuah jabatan kerajaan dan tiga kontraktor direman empat hari bermula hari ini, bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu berjumlah RM1.2 juta.

9. Ketua penolong pengarah, tiga kontraktor direman empat hari

ALOR SETAR: Seorang ketua penolong pengarah sebuah jabatan kerajaan dan tiga kontraktor direman empat hari bermula hari ini, bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu berjumlah RM1.2 juta.

Perintah reman terbabit dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Alor Setar, Rashidah Azmi mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Permohonan reman dibuat Pegawai Penyiasat SPRM Kedah, Vitwat Eh Chan.



SEORANG ketua penolong pengarah sebuah jabatan kerajaan direman empat hari bermula hari ini, bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu berjumlah RM1.2 juta. - Foto Sharul Hafiz Zam

BH Online semalam melaporkan SPRM menahan mereka yang disyaki terbabit dalam tuntutan palsu berhubung pembekalan dan perkhidmatan untuk Kementerian Pelancongan berjumlah RM1.2 juta membabitkan program pelancongan di Pulau Langkawi, antara 2014 hingga 2016.

Sumber SPRM berkata, keempat-empat individu terbabit termasuk ketua penolong pengarah berkenaan yang juga seorang wanita ditahan antara jam 5 hingga 5.30 petang semalam di rumah masing-masing di sekitar Alor Setar.

"Ketua penolong pengarah sebuah jabatan kerajaan itu berusia 41 tahun, manakala tiga lelaki yang juga kontraktor itu pula berusia antara 34 hingga 43 tahun," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap mengesahkan tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

SUNWAY®
CONSTRUCTION

10. Anak syarikat Sunway Construction dapat projek RM86.43 juta

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Sunway Construction Group Bhd (SunCon Group), Sunway Geotechnics (M) Sdn Bhd dan Sunway Construction Sdn Bhd hari ini meraih projek berjumlah RM86.43 juta.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat itu berkata Sunway Geotechnics memperoleh projek daripada S. N. Akmida Holdings Sdn Bhd untuk kerja-kerja cerucuk gerek bagi jejambat dan stesen untuk membina dan menyiapkan laluan, stesen, parkir dan gerak, bangunan tambahan dan kerja-kerja lain yang berkaitan bagi pakej GS10 Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dari Bandar Utama ke Johan Setia.

"Projek itu akan bermula pada 25 Mac 2019 dan dijangka siap pada 24 Mac 2020," katanya.

Sementara itu, Sunway Construction memperoleh projek daripada Putrajaya Development Sdn Bhd untuk membina dan menyiapkan kerja-kerja tanah, cerucuk dan kerja-kerja yang berkaitan bagi cadangan pembangunan berorientasikan transit di Plot 7MD7, Presint 7, Putrajaya.

Projek ini akan bermula pada 25 Mac 2019 dan dijangka siap pada 24 Julai 2020, katanya.

Projek cerucuk LRT3 dan projek cerucuk Putrajaya dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan SunCon Group untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan seterusnya.

Jumlah projek baharu yang diberikan pada tahun ini, termasuk dua projek itu, berjumlah RM867.7 juta, daripada sasaran SunCon sebanyak RM1.5 bilion.



Menteri Kerja Raya, Baru Bian.

11. Semakan model projek Pan Borneo tidak babit pembatalan

KUALA LUMPUR: Semakan semula model projek Projek Lebuhraya Pan Borneo tidak membabitkan pembatalan pembinaannya yang memanfaatkan rakyat Sabah dan Sarawak.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian, berkata semakan hanya membabitkan mekanisme terbaik khususnya penjimatan kos dan keupayaan kewangan.

Katanya, Kerajaan Persekutuan juga belum membuat sebarang keputusan muktamad untuk menukar Kontrak Rakan Pelaksana (PDP) Projek Lebuhraya Pan Borneo kepada tender kontrak tunggal.

"Kita akan memastikan projek ini siap mengikut jadual iaitu 30 Jun 2021 di Sarawak dan 31 Disember tahun sama di Sabah. Setakat ini kemajuan keseluruhan projek berkenaan ialah 38 peratus di Sabah dan 12 peratus di Sarawak," katanya.

Beliau menjawab soalan Dr Kelvin Yii Wuen (PH DAP-Bandar Kuching) dalam Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Projek Lebuhraya Pan Borneo masing-masing membabitkan kos keseluruhan RM16.48 bilion untuk Sabah dan RM12.86 bilion di Sarawak.

Baru berkata, pelaksanaan model projek itu sedang dinilai dan disemak semula dari pelbagai aspek, terutama membabitkan had keupayaan kewangan kerajaan yang terlalu tinggi ketika ini, berikutan komitmen kewangan sedia ada.

Katanya, ini bagi memastikan setiap peruntukan kerajaan dapat dioptimumkan sebaik mungkin dan pada masa sama tidak mengganggu pekaksanaannya.

"Penentuan mengenai hala tuju pelaksanaan Lebuh Raya Pan Borneo akan diumumkan sebaik saja kerajaan selesai meneliti dan menimbang mekanisme terbaik berhubung penjimatan bakal diperoleh.

"Kita bukan saja memastikan projek ini siap mengikut jadual, malah kebijakan pekerja terbabit dengan pembinaannya tidak diabaikan," katanya.



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng ketika ditemui di Bangunan Parlimen

12. Kerajaan terpaksa selamatkan projek TRX dan Bandar Malaysia

KUALA LUMPUR: Kerajaan terpaksa menyelamatkan projek Tun Razak Exchange (TRX) dan Bandar Malaysia kerana dana untuk pembangunannya 'hilang' berikutan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan terpaksa menyuntik kewangan bagi menyelamatkan dua projek berkenaan masing-masing sebanyak RM2.8 bilion dan RM744 juta.

Katanya, TRX City Sdn Bhd (TRX City) selaku pemaju utama sebelum ini mengesahkan menerima RM3.69 bilion melalui pinjaman daripada kerajaan secara langsung dan tidak langsung bagi tujuan membangunkan TRX dan Bandar Malaysia.

"Seperti semua projek yang gagal dan rugi akibat penyelewengan dan penipuan kerajaan Barisan Nasional (BN), TRX City menghadapi masalah kewangan untuk menyiapkan infrastruktur projek TRX.

"Ini adalah kerana sebahagian besar dana diperoleh hasil pinjaman dan terbitan sukuk untuk projek terbabit diseleweng 1MDB untuk tujuan lain. Sejumlah RM1.61 bilion untuk TRX dan RM1.45 bilion untuk Bandar Malaysia digunakan 1MDB untuk tujuan lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung usul menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, projek TRX berpotensi tinggi dalam mengorak langkah masa depan negara, namun skandal 1MDB menyebabkan pelabur asing menjauhkan diri daripada projek berkenaan dan Malaysia amnya.

"Selepas melakukan proses pemulihan di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH), kami berjaya memulihkan keyakinan pelabur asing terhadap TRX dan Malaysia. Kini TRX adalah sebuah projek bebas rasuah dan mendapat kepercayaan pelabur dalam serta luar negara.

"Empat institusi bank menyatakan keyakinan mereka dengan usaha dilakukan kerajaan. Mereka yakin dengan usaha yang diambil dan mereka sedia datang melabur dalam TRX dan menyediakan sejumlah RM2.15 bilion kepada syarikat usaha sama membabitkan TRX City dan pemaju pembangunan terkemuka Australia, Lendlease," katanya.

Terdahulu, sesi penggulungan gamat apabila berlaku pertikaman lidah antara Guan Eng dan beberapa ahli Parlimen pembangkang termasuk Datuk Seri Najib Razak (BN-UMNO Pekan).

Ia bermula apabila bekas Perdana Menteri meminta penjelasan berhubung jumlah hutang kerajaan yang meningkat sebanyak RM87.1 bilion kepada RM773.1 bilion berbanding RM686 bilion pada akhir 2017 memetik data rasmi Bank Negara Malaysia.

Guan Eng dalam maklum balasnya berkata jumlah hutang itu disumbangkan oleh hutang syarikat 1MDB namun jawapan itu mengundang kemarahan wakil rakyat pembangkang termasuk Khairy Jamaluddin (BN-UMNO Rembau) dan Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-UMNO Pasir Salak).

"Memang licik pentadbiran lama kerana kita tahu 1MDB hutang begitu besar tidak termasuk dalam angka rasmi hutang kerajaan kerana semua dibuat secara 'off balance sheet'.

"Ia terpaksa dibayar oleh pihak kerajaan sungguhpun ia tidak dipinjam secara langsung oleh kerajaan Malaysia dan bila kita sebagai penjamin, kita terpaksa membuat bayaran sungguhpun kita bukan peminjam utama," katanya.

Suasana gamat itu berterusan selama beberapa minit apabila wakil rakyat kerajaan dan pembangkang masing-masing menyindir antara satu sama lain sehingga Timbalan Speaker, Nga Kor Ming terpaksa masuk campur dan mengarahkan semua wakil rakyat tidak membuat bising dan menghormati dewan.



Menteri Kewangan, Lim Guan Eng ketika berucap di Dewan Rakyat

13. Kos projek MRT2, LRT3 hanya RM23.84 bilion

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dan Transit Aliran Massa 2 (MRT2) diteruskan dengan pengurangan kos keseluruhan sebanyak RM23.84 bilion hasil inisiatif dan rundingan dengan pihak kontraktor.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata LRT3 diteruskan dengan kos keseluruhan RM16.63 bilion berbanding kos asal RM31.65 bilion manakala kos MRT2 berjaya dikurangkan sebanyak RM8.82 bilion.

"Sebagai kerajaan bertanggungjawab, kerajaan mengambil pendekatan menyeluruh dalam usaha mengurangkan kos projek infrastruktur seperti MRT2 dan LRT3, pada masa sama memastikan kedua-dua projek ini dapat disiapkan dan memberi manfaat kepada rakyat.

"Kerajaan mengambil inisiatif penting dalam berunding dan mencapai persetujuan dengan pihak kontraktor untuk mengurangkan kos dan meminda terma perjanjian yang tidak menguntungkan kerajaan serta rakyat yang ditandatangani ketika pentadbiran kerajaan terdahulu," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Seri Ahmad Hamzah (BN-Jasin) yang mahu kerajaan menyatakan sebab projek MRT2 dan LRT3 diberikan secara rundingan terus dan tidak dibuat dengan tender terbuka.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, kerajaan mengamalkan prinsip integriti dan telus termasuk menggalakkan konsep tender terbuka bagi membuka peluang sama rata dan adil kepada semua pihak.

"Keputusan membatalkan kontrak tertakluk kepada harga yang boleh dikurangkan, mutu kerja yang dijalankan dan sama ada wujud unsur salah laku atau penyelewengan yang mempertikaikan integriti dan kredibiliti kontrak yang ditandatangani.

"Jika pemotongan harga yang munasabah boleh dicapai dengan mutu kerja yang terjamin, maka sesuatu projek boleh dipertimbangkan untuk diteruskan," katanya.



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng

14. Kerajaan belanja RM14.22 juta selenggara Equanimity

KUALA LUMPUR: Kerajaan membelanjakan RM14.22 juta sebagai kos penyelenggaraan kapal mewah Equanimity yang dikatakan milik ahli perniagaan yang diburu, Low Taek Jho atau Jho Low yang kini dirampas pihak berkuasa.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan membelanjakan sebanyak RM11 juta sebagai kos penyelenggaraan, pembaikan, bahan api, guaman, insurans serta kos berkaitan proses penjualan bagi tempoh sejak Ogos hingga Disember tahun lalu.

Katanya, kerajaan kemudiannya memperuntukkan RM3.22 juta lagi sebagai kos yang sudah dan akan dibelanjakan bagi tempoh Januari hingga bulan ini.

"Sebuah syarikat pengurus kapal iaitu Wilson Yacht Management Ltd (WYM) dilantik pada Ogos tahun lalu bagi menyelenggara kapal mewah Equanimity.

"Pelantikan ini dibuat berdasarkan kepada pengalaman serta kepakaran syarikat berkenaan dalam menyelenggara kapal-kapal mewah," katanya dalam jawapan bertulis kepada Tan Sri Noh Omar (BN-Tanjong Karang) semalam.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, kapal layar mewah terbabit kini berada di Langkawi di bawah jagaan dan kawalan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, beliau berkata, proses penjualan kapal layar terbabit kini memasuki fasa kedua kerana harga bidaan yang diterima pada fasa pertama tidak dapat dipersetujui.

"Proses penjualan bagi fasa kedua ini dibuat secara 'private treaty/direct sale' dan dijangka berakhir pada 31 Mac ini," katanya.

Kapal layar penuh kontroversi dikatakan milik Jho Low itu dirampas pihak berkuasa Malaysia pada 7 Ogos tahun lalu dan mula dilelong sejak 29 Oktober tahun lalu dalam usaha kerajaan mengembalikan wang yang diselewengkan dalam skandal 1MDB.



Menteri Pertahanan Mohamad Sabu berucap pada majlis pelancaran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 di Pusat Pameran Antarabangsa Mabsuri (MIEC) hari ini

15. RM4 bilion nilai kontrak, MoU ditandatangani

LANGKAWI: Lebih RM4 bilion nilai kontrak, Memorandum Persefahaman (MoU), Surat Niat (LOI), Surat Setuju Terima (LOA) antara kerajaan dan syarikat berkaitan pertahanan ditandatangani pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA'19) di sini, hari ini.

Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, berkata kebanyakkan kontrak terbabit adalah bagi menguruskan aset sedia ada milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama bagi kerja penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat dan kapal.

Katanya, kerja penyelenggaraan terbabit perlu dilakukan bagi memastikan keselamatan dan kesiagaan pertahanan negara berada pada tahap optimum.

"Kekangan kewangan kerajaan tidak menghalang kita melakukan kerja MRO ke atas aset sedia yang tempoh perkhidmatannya akan diteruskan mengikut keperluan ATM.



Menteri Pertahanan Mohamad Sabu ketika gimik pelancaran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) hari ini.

"Pada masa sama, kita turut mempertimbangkan pembelian aset strategik baharu dengan mengambil kira teknologi semasa dan ancaman keselamatan bukan tradisional," katanya pada sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani MoU dan Kontrak LIMA'19.

Antara syarikat yang menandatangani kontrak dan MoU adalah Airod, Boustead Naval Shipyard, Airbus Military, Rosebank Engineering, TAE Gas Turbine, Advances Air Traffic System dan Kongsberg Defence & Aerospace.

Mohamad berkata, kerajaan tidak menetapkan jangka hayat aset ketenteraan milik negara dengan aset seperti pesawat dan kapal akan digunakan mengikut kesesuaian.

"Kita tidak tetapkan sebarang had (jangka hayat), tetapi kerajaan akan ikut pandangan dan nasihat pakar ATM mengenainya.

"Setiap perolehan akan ada had dan apabila sampai masa kita akan lupsukannya," katanya.



KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

16. KPKT kesan penipuan ke atas kontraktor rumah mampu milik

PUTRAJAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengesan satu kegiatan dipercayai penipuan membabitkan kutipan wang deposit daripada kontraktor yang berminat dengan projek perumahan mampu milik.

KPKT dalam kenyataan hari ini memaklumkan, kegiatan itu dikesan berdasarkan satu laporan dalam laman Facebook PW Community bertajuk "Laporan Mengenai Penipuan Projek Perumahan GIDIFA/Tu-E Capital" yang mendakwa Tu-E Capital menggunakan pendekatan menawarkan perumahan percuma melalui program anjuran GIDIFA yang didakwa bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, laporan berkenaan mendakwa penipuan itu mensasarkan kontraktor pembinaan untuk menjadi 'Kontraktor Panel' dengan dikenakan bayaran yuran antara RM10,000 hingga RM20,000 bagi melayakkan mereka menjadi 'fundee'.

"Semakan Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT mendapati Tu-E Capital tidak dilesenkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan bukan pemaju perumahan.

"Selain itu, individu bernama Datuk Mohamad Zahari Haji Awang yang dilaporkan sebagai pengarah syarikat Tu-E Capital tidak memegang sebarang jawatan sebagai pengarah mana-mana pemaju perumahan yang dilesenkan di bawah JPN," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menjelaskan, JPN menasihatkan orang awam supaya terus membuat laporan polis jika terdapat sebarang notis atau surat tawaran yang berunsurkan penipuan.

"Orang awam, pihak pemaju perumahan dan kontraktor pembinaan juga boleh menyemak kesahihan sesuatu insentif, skim atau program yang diperkenalkan JPN dengan melayari portal rasmi JPN di <http://ehome.kpkt.gov.my>.

"Jika terdapat sebarang keraguan atau pertanyaan, orang ramai boleh berhubung terus dengan kami.

"Aduan atau makluman boleh dikemukakan kepada JPN melalui emel pro@kpkt.gov.my dan penguatkuasaJPN@kpkt.gov.my atau telefon 03-80008000 atau Facebook KPKT Malaysia dan Jabatan Perumahan Negara atau twitter @kpkt_gov dan @perumahanJPN," katanya.



RINA ketika lawatan pada Majlis Perasmian Karnival Usahawan Desa (KUD) di Midtown Perda

17. Dana bantu usahawan wanita desa dilancar

TASEK GELUGOR: Dana Harapan Strategi Realisasi Keusahawanan (HERS FUND) bagi membantu usahawan wanita di luar bandar dengan peruntukan RM20 juta dilancarkan hari ini.

Ia dilancarkan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun sempena majlis perasmian Karnival Usahawan Desa (KUD) Zon Utara 1 di Midtown Perda di sini.

Rina berkata dana itu dicetuskan atas keprihatinan kementeriannya terhadap usahawan berkenaan, selain mahu memberi bimbingan bagi mengembangkan perniagaan mereka.

"HERS FUND juga akan dilaksanakan berlandaskan konsep 'mentor-mentee' untuk memberi bimbingan kepada usahawan wanita desa.

"Sebagai permulaan, lima usahawan wanita berjaya daripada kalangan peserta Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) akan menjadi 'mentor' untuk membantu 40 usahawan wanita yang menjadi 'mentee' mereka untuk mengembangkan perniagaan masing-masing," katanya.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, R Sivarasa, dan Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin.

Sementara itu, Rina berkata, pihaknya mensasarkan nilai jualan sehingga RM40 juta dengan dua juta pengunjung bagi keseluruhan KUD yang diadakan di seluruh negara.

Pulau Pinang adalah negeri pertama menganjurkan KUD, dan akan disusuli Terengganu, Kedah, Sabah, dan yang terakhir di Putrajaya.

"Melalui aktiviti ini diharapkan dapat memperkasakan usahawan dengan ilmu pengetahuan serta mencungkil usahawan yang berpotensi sehingga ke peringkat global, di samping menarik minat orang ramai untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan," katanya.